

Kemanisan Iman

Daripada al-Abbas bin Abdul Mutalib RA, Rasulullah SAW bersabda:

ذَاقَ طَعْمَ الْإِيمَانِ مَنْ رَضِيَ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا

Maksudnya: “Telah merasai manisnya iman siapa yang reda dengan Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai rasul.”

Riwayat Muslim (1/62) no. (34). Kitab al-Iman, bab dalil siapa yang reda dengan Allah sebagai Tuhan dan Islam sebagai agama, Muhammad sebagai nabi, nescaya dia orang yang beriman.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini menggambarkan sifat manisnya iman. Sebelum dihuraikan dengan lebih terperinci dinyatakan dahulu definisi iman pada bahasa dan istilah. *Iman* dari segi bahasa adalah percaya dan membenarkan. Kata Ibn Manzur di dalam kitab *Lisan al-Arab*: Ulama bahasa Arab dan yang lainnya telah sepakat menyatakan bahawa pengertian *iman* adalah percaya dan membenarkan (التصديق). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ

Maksudnya: Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar.

(Surah Yusuf: 17)

2. Sementara *Iman* dari segi istilah syarak pula adalah percaya dan membenarkan segala yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW tentang segala ajaran agama yang mudah diketahui, atau seumpamanya, dengan dalil-dalil yang meyakinkan.
3. Nabi Muhammad SAW mentafsirkan pengertian *iman* di dalam hadis yang panjang yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Umar al-Khattab RA ketika baginda disoal oleh malaikat Jibril AS berkenaan dengan iman, lantas baginda SAW menjawab:

أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ
وشره.

Maksudnya: “Bahawa kamu beriman dengan Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari kiamat, serta qadad dan qadar sama ada baik atau buruk.”

4. Sayyid Sabiq melalui kitabnya *Akidah Islam* menerangkan pengertian *iman* atau akidah melalui enam perkara:
 - **Makrifah kepada Allah SWT.** Makrifah dengan nama-nama-Nya yang mulia dan sifat-sifat-Nya yang tinggi. Juga makrifah dengan bukti-bukti wujud atau ada-Nya serta kenyataan sifat keagungan-Nya dalam alam semesta atau di dunia ini.
 - **Makrifah dengan alam yang ada di balik alam semesta ini.** Iaitu alam yang tidak dapat dilihat. Demikian pula kekuatan-kekuatan kebaikan yang terkandung di dalamnya iaitu yang berbentuk malaikat, juga kekuatan-kekuatan jahat yang berbentuk iblis dan sekalian tenteranya dari alam yang lain lagi seperti jin dan roh.
 - **Makrifah dengan kitab-kitab Allah SWT.** Kitab-kitab Allah yang diturunkan oleh-Nya kepada para Rasul. Kepentingan ialah dijadikan sebagai batas untuk mengetahui antara hak dengan yang batil, yang baik dan yang jelek, yang halal dan yang haram, juga antara yang baik dan yang buruk.
 - **Makrifah dengan Nabi-nabi serta Rasul-rasul Allah SWT.** Nabi-nabi serta Rasul-rasul yang telah dipilih-Nya untuk menjadi pembimbing ke arah petunjuk serta pemimpin seluruh makhluk untuk menuju kepada yang hak.
 - **Makrifah dengan hari akhirat dan peristiwa-peristiwa yang terjadi di saat**

itu seperti kebangkitan dari kubur (hidup lagi sesudah mati), memperoleh balasan pahala atau seksa, syurga atau neraka.

- **Makrifah kepada takdir (qadak dan qadar)** yang di atas landasannya itulah berjalannya peraturan segala yang ada di alam semesta ini, baik dalam penciptaan atau cara mengaturnya.
5. Dalam hadis di atas gabungan antara keredaan dengan Allah sebagai *Rabb* hakiki Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai rasul. Dengan mengimani dan dihayati dengan cara menterjemahkannya dalam kehidupan harian sudah pasti sinar kebahagiaan dan manisnya iman dapat dikecapi. Semoga kita semua tergolong dari golongan yang mendapat kemanisan iman.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Iman itu dapat mengusir rasa resah dan gelisah dan melenyapkan kegundahan. Iman adalah kesenangan yang dicari oleh orang-orang yang beriman dan hiburan bagi orang-orang yang ahli ibadah.
- ❖ **Pujangga berkata:** Menurut Allah SWT, hamba-Nya yang paling bahagia adalah orang yang paling banyak melakukan kebaikan dengan tangannya sendiri. Yang paling banyak memberikan kebaikan kepada saudara-saudaranya dan paling banyak bersyukur atas semua itu.

Kisah Teladan

Terdapat sebuah kisah tentang seorang lelaki lumpuh, yang tidak boleh bergerak dan hanya duduk di rumah sahaja. Penyakitnya itu sudah terlalu lama, sehingga membuatnya berputus asa. Para doktor sudah menyatakan bahawa penyakitnya itu tidak mampu untuk diubati dan seterusnya menyampaikan perkara tersebut kepada keluarga dan anak-anaknya.

Pada suatu hari ada seekor kala jengking jatuh dari atap rumahnya tepat di atas tubuhnya, dan dia tidak boleh menghalaunya kerana tidak boleh bergerak

dari tempat duduk. Kala jengking itu menjalar ke kepalanya dan menyengatnya beberapa kali.

Selepas itu secara mengejut badannya boleh digerakkan bermula dari tapak kaki hingga kepala. Darah hidup mengalir ke dalam semua organ tubuh, dan menjalar ke seluruh jasad. Orang itu pulih dan sihat semula. Dia berdiri di atas dua kakinya, berjalan-jalan di dalam biliknya, membuka pintu lalu menghampiri keluarga dan anak-anaknya. Apabila dia berdiri, mereka tidak percaya melihat apa yang berlaku. Mereka terperanjat bukan kepalang. Dan kepada mereka, dia menceritakan apa yang sudah berlaku.

Maha suci Allah SWT yang memberikan kesembuhan kepada orang itu melalui cara yang sedemikian itu. Cerita ini pernah saya utarakan kepada ramai doktor, dan mereka pun membenarkan apa yang saya katakan. Dia menyebut ada serum antibiotik yang mengandungi racun, jika toksinnya diperkecilkan secara kimia, maka serum itu boleh menjadi ubat untuk orang yang sakit lumpuh.

Maha Tinggi Zat Yang Maha Baik itu, yang tidak menurunkan satu penyakit pun kecuali Dia juga menurunkan penawarnya.

